

**PENGARUH AKAUNTABILITI, INTERAKSI
DAN PENGURUSAN STRATEGIK GURU
TERHADAP PENCAPAIAN MURID DI
DAERAH BERPENCAPAIAN RENDAH
DI SARAWAK**

DAYANG LELAWATI BINTI ABANG JALIL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENGARUH AKAUNTABILITI, INTERAKSI DAN PENGURUSAN STRATEGIK GURU TERHADAP PENCAPAIAN MURID DI DAERAH BERPENCAPAIAN RENDAH DI SARAWAK**

IJAZAH: **MASTER OF EDUCATION (EVALUATION IN EDUCATION)**


Saya **DAYANG LELAWATI BINTI ABANG JALIL**, Sesi Pengajian **2013-2016**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD




DAYANG LELAWATI BINTI ABANG JALIL

Disahkan oleh,
NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



(Tandatangan Pustakawan)




(Prof. Dr. Vincent Pang)
Penyelia

Tarikh: 23 Jun 2017

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23 Jun 2017



Dayang Lelawati Binti Abang Jalil
MT 1221007T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DAYANG LELAWATI BINTI ABANG JALIL**

NO. MATRIK : **MT1221007T**

TAJUK : **PENGARUH AKAUNTABILITI, INTERAKSI DAN
PENGURUSAN STRATEGIK GURU TERHADAP
PENCAPAIAN MURID DI DAERAH BERPENCAPAIAN
RENDAH DI SARAWAK**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **20 MAC 2017**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

Profesor Dr. Vincent Pang



Tandatangan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Vincent Pang', is written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Perjalanan seribu langkah bermula dengan langkah pertama. Syukur ke hadrat Illahi akhirnya perjalanan saya untuk menyudahkan tesis tiba juga pada langkah yang terakhir. Semua rasa yang saya miliki kini saya pulangkan semula kepada Dia, Allah SWT. TanpaNya, kembara ini tidaklah semudah yang disangka.

Jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Dr Vincent Pang yang senantiasa memberi bimbingan, teguran, seliaan dan dorongan untuk saya melihat jalur perjalanan ini dengan lebih jelas dan sampai ke penghujungnya.

Buat suami, Hj. Taip Bin Hj. Maknon anakanda tercinta Nabhan Zulfiqar dan Nur Izzati Akmal terima kasih buat kalian, sesungguhnya perjalanan yang penuh onak dan duri ini sama-sama dapat ditelusuri, segala pengorbanan, dorongan dan doa yang diberikan amat dihargai.

Kuntuman kasih buat bonda Dayang Nikmah Bt. Awang Piut dan seluruh ahli keluarga atas doa, dorongan, galakan serta semangat yang diberikan.

Akhir sekali buat semua guru yang membantu dalam melengkapkan soal selidik, terima kasih diucapkan, kerjasama kalian amat saya hargai.

Dayang Lelawati Binti Abang Jalil
23 Jun 2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan hubungan antara akauntabiliti, interaksi dan pengurusan strategik guru dengan pencapaian murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah di daerah yang berprestasi rendah di Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 234 orang guru yang dipilih secara persampelan berkelompok mewakili sekolah di daerah Limbang, Lawas, Betong dan Samarahan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik yang mengandungi 65 item yang dibina oleh pengkaji bagi pemboleh ubah akauntabiliti, interaksi guru dan pemboleh ubah pengurusan strategik sebahagiannya diadaptasi daripada kajian David berkaitan pengurusan strategik. Data daripada instrumen digunakan untuk mengukur tahap semua pemboleh ubah, dan hubungan serta pengaruh bagi pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Pengujian bagi hipotesis kajian telah dilakukan dengan menggunakan kaedah pengujian korelasi Pearson dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan min ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar tinggi namun hanya terdapat hubungan positif yang lemah tetapi signifikan bagi akauntabiliti guru dan interaksi guru. Keputusan kajian juga mendapati ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar tidak mempengaruhi pencapaian murid. Oleh kerana nilai *R Square* (5.4%) mendekati nilai sifar maka dapat disimpulkan bahawa kemampuan pemboleh ubah tidak bersandar dalam menjelaskan pemboleh ubah bersandar amat terbatas. Namun demikian kajian ini mencadangkan bahawa guru haruslah sentiasa menunjukkan akauntabiliti mereka terhadap sekolah dan profesion serta sentiasa menggunakan interaksi sosial yang positif untuk membantu murid mencapai keputusan yang cemerlang dalam UPSR. Selain itu kajian ini mencadangkan agar kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif untuk mendapat hasil dapatan yang mungkin tidak dapat dikenal pasti dalam kajian ini digunakan.

ABSTRACT

EFFECT OF ACCOUNTABILITY, INTERACTION AND STRATEGIC MANAGEMENT OF THE TEACHER TOWARDS STUDENT ACHIEVEMENT IN THE LOW ACHIEVEMENT DISTRICT IN SARAWAK

This study is aimed to identify the influence and relationship of accountability, interaction and strategic management of the teacher with the students' achievement in UPSR in the districts of low achievement in Sarawak. This research used the quantitative approach with 234 teachers selected using cluster sampling from schools in the district of Limbang, Lawas, Betong and Samarahan. The instrument used in this research is a set of questionnaire consisted of 65 items designed by the researcher for the independent variables of accountability, interaction and part of items for the strategic management were adapted from previous research about strategic management by David. The data from the instrument was used to measure the level of all the variables and relationship as well as influence of the independent variables with the dependent variable. The testing of hypotheses in this research was done using Pearson Correlation and multiple regressions. The findings showed that the means of the three independent variables were high and the accountability of teachers and the interaction of teachers had a weak of positive and significant relationship with students' achievement. The findings also showed that the three independent variables do not affect the students' achievement. As the value of R Square (5.4%) is near to zero, it can be concluded that the ability of independent variables in explaining the dependent variable is very limited. However this study suggests that teachers should always demonstrate their accountability to the school and the profession and use positive social interaction to help their students excel in the UPSR. Besides that, this study also suggests that mixed method of qualitative and quantitative to get result that could not be identified in this study should be used.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i	
PENGAKUAN	ii	
PENGESAHAN	iii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
<i>ABSTRACT</i>	vi	
SENARAI KANDUNGAN	vii	
SENARAI JADUAL	xi	
SENARAI RAJAH	xiii	
SENARAI LAMPIRAN	xiv	
SENARAI SINGKATAN	xv	
BAB 1: PENDAHULUAN		
1.1 Pengenalan	1	
1.2 Latar Belakang Kajian	2	
1.3 Pernyataan Masalah	9	
1.4 Tujuan Kajian	15	
1.5 Objektif Kajian	15	
1.6 Soalan Kajian	15	
1.6.1 Tahap Akauntabiliti Guru	15	
1.6.2 Tahap Interaksi Guru	16	
1.6.3 Tahap Pengurusan Strategik Guru	16	
1.6.4 Hubungan Antara Akauntabiliti Guru Dengan Pencapaian Murid	16	
1.6.5 Hubungan Antara Interaksi Guru dengan Pencapaian Murid	17	
1.6.6 Hubungan Antara Pengurusan Strategik Guru dengan Pencapaian Murid	17	

1.6.7	Pengaruh Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Terhadap Pencapaian Murid	17
1.7	Hipotesis Kajian	18
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Batasan Kajian	20
1.10	Definisi Operasional	21
1.10.1	Akauntabiliti Guru	22
1.10.2	Interaksi Guru	22
1.10.3	Pengurusan Strategik	22
1.10.4	Pencapaian Murid	22
1.11	Rumusan	23
BAB 2: SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi Konsep	24
2.2.1	Akauntabiliti Guru	24
2.2.2	Interaksi Guru	25
2.2.3	Pengurusan Strategik	25
2.2.4	Pencapaian Akademik Murid	26
2.3	Literatur Berkaitan	26
2.3.1	Model Konseptual Guru	26
2.3.2	Teori Berkaitan Interaksi Guru dan Murid	31
2.3.3	Model Berkaitan Pengurusan Strategik	36
2.3.4	Pencapaian Murid	39
2.2.5	<i>Managing Challenging Schools</i> (MaCS)	41
2.4	Kajian Berkaitan	43
2.4.1	Kajian Lepas Berkaitan Akauntabiliti Guru	43
2.4.2	Kajian Lepas Tentang Interaksi Guru dan Murid	46
2.4.3	Kajian Lepas Tentang Isu Perlaksanaan Pengurusan Strategik dalam Organisasi Pendidikan	48
2.4.4	Kajian Lepas Berkaitan Pencapaian Murid	50
2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	51

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Pemboleh Ubah Kajian	55
	3.3.1 Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	55
	3.3.2 Pemboleh Ubah Bersandar	55
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	55
3.5	Tempat Kajian	56
3.6	Alat Kajian	56
	3.6.1 Struktur Alat Kajian	57
	3.6.2 Pembentukan Soal Selidik	57
	3.6.3 Penilaian Alat Kajian	63
3.7	Pentadbiran Soal Selidik	64
3.8	Kajian Rintis	65
3.9	Tatacara Penganalisisan Data	66
	3.9.1 Kemasukan Data	67
	3.9.2 Kaedah Analisis Data	67
	3.9.3 Ujian Andaian	69
	3.9.4 Ujian Hipotesis	73
3.10	Rumusan	74

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Analisis Data Pencapaian Murid	75
4.3	Tahap Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru Terhadap Pencapaian Murid	76
	4.3.1 Tahap Persetujuan Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru Terhadap Pencapaian Murid	76

4.3.2	Min dan Sisihan Piawai Tahap Perseujuan Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru Terhadap Pencapaian Murid	77
4.4	Hubungan Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru Dengan Pencapaian Murid	79
4.5	Pengaruh Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru Terhadap Pencapaian Murid	83
4.5.1	Analisis Regresi Berganda	83
4.6	Rumusan	84

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	85
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	85
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	90
5.4.1	Implikasi Dapatan Kajian bagi Hubungan Antara Akauntabiliti Guru dengan Pencapaian Murid	90
5.4.2	Implikasi Dapatan Kajian bagi Hubungan Antara Interaksi Guru dengan Pencapaian Murid	92
5.4.3	Implikasi Dapatan Kajian bagi Hubungan Antara Kemahiran Strategik Guru dengan Pencapaian Murid	94
5.5	Cadangan	97
5.5.1	Cadangan Kepada Guru	98
5.5.2	Cadangan Kepada Guru Besar	98
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	99
5.7	Kesimpulan	100

RUJUKAN	102
LAMPIRAN	114

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1:	Pelaporan Keputusan UPSR 7
Jadual 1.2:	Kedudukan dan Gred Purata Negeri (GPN) UPSR 2009 - 2013 10
Jadual 1.3(a):	Pencapaian Calon Cemerlang UPSR 2012 Negeri Sarawak Keseluruhan Semua Aliran 11
Jadual 1.3(b):	Pencapaian Calon Cemerlang UPSR 2013 Negeri Sarawak Keseluruhan Semua Aliran 11
Jadual 1.4:	Peratusan Lulus Penuh dan Gred Purata Daerah Limbang, Lawas, Samarahan dan Betong bagi tahun 2012 dan 2013 12
Jadual 2.1:	Pelaporan Keputusan UPSR 41
Jadual 3.1:	Bilangan Sekolah dan Populasi Guru di Daerah Limbang, Lawas, Samarahan dan Betong 55
Jadual 3.2:	Pecahan Item Soal Selidik Mengikut Konstruk 57
Jadual 3.3:	Item Akauntabiliti Guru 59
Jadual 3.4:	Item Interaksi Guru 61
Jadual 3.5:	Item Pengurusan Strategik Guru 62
Jadual 3.6:	Nilai Pekali <i>Cronbach's Alpha</i> bagi Kajian Rintis 66
Jadual 3.7:	Interpretasi Skor Min Berdasarkan Pandangan Sanger <i>et al.</i> (2007) 67
Jadual 3.8:	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (Chua, 2006) 69
Jadual 3.9:	Nilai Pekali 71
Jadual 4.1:	Rumusan Taburan Frekuensi dan Peratusan Peratus Bilangan Murid Lulus Bagi Setiap Sekolah Responden Dalam Mata Pelajaran UPSR 75
Jadual 4.2:	Rumusan Frekuensi dan Peratusan Tahap Persetujuan Akauntabiliti, Interaksi dan Pengurusan Strategik Guru 77
Jadual 4.3:	Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Tidak Bersandar 78
Jadual 4.4:	Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Mengikut Pecahan 78

Jadual 4.5:	Hubungan Antara Akauntabiliti Guru dan Pencapaian Murid	79
Jadual 4.6:	Hubungan Antara Akauntabiliti Mengikut Bidang Tugas Guru Dengan Pencapaian Murid	80
Jadual 4.7:	Hubungan Antara Interaksi Guru dan Pencapaian Murid	81
Jadual 4.8:	Hubungan Antara Interaksi Guru Mengikut Pendekatan dan Pencapaian Murid	81
Jadual 4.9:	Hubungan Antara Pengurusan Strategik Guru dan Pencapaian Murid	82
Jadual 4.10:	Hubungan Antara Kemahiran Strategik Guru Mengikut Peringkat Dengan Pencapaian Murid	83
Jadual 4.11:	Ringkasan Model Regresi	84



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Model Konseptual Pendidikan Guru (2000)	27
Rajah 2.2: Akauntabiliti Guru Dalam Beberapa Bidang Tugas	28
Rajah 2.3: Pengaruh Tiga Unsur Dalam Pembelajaran Sosial	34
Rajah 2.4: Kerangka Teoritikal Kajian	52



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Item Soal Selidik Bahagian A – Bahagian D	114
Sumber Dokumen yang Dirujuk	
Lampiran B: Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM	121
Lampiran C: Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada JPN, Sarawak	122
Lampiran D: Borang Perakuan dan Pengesahan Pakar Item-item	125
Lampiran E: Soal Selidik Pelajar	126
Lampiran F: Analisis Realibiliti Kajian Sebenar	127
Lampiran G: Analisis Dapatan Kajian	129
Lampiran H: <i>Normal P-P Plot of regression Standardized Residual</i>	136
Lampiran I: <i>Scatterplot</i>	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

BI	- Bahasa Inggeris
BMK	- Bahasa Malaysia Kefahaman
BMP	- Bahasa Malaysia Penulisan
BPPDP	- Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ETR	- Estimated Target Result
FPG	- Falsafah Pendidikan Guru
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPMP	- Gred Purata Mata Pelajaran
GPN	- Gred Purata Nasional
GPNe	- Gred Purata Negeri
GPS	- Gred Purata Sekolah
IPS	- Instrumen Pemastian Standard
JNS	- Jemaah Nazir Sekolah
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
KBSR	- Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
LPM	- Lembaga Peperiksaan Malaysia
MaCS	- <i>Managing Challenging Schools</i>
Mt	- Matematik
3M	- Membaca, Menulis dan Mengira
NCTM	- <i>National Council for Teachers of Mathematics</i>
NILAM	- Nadi Ilmu Amalan Membaca
OECD	- <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PISA	- <i>Programme for International Student Assessment</i>
RPS	- Rancangan Pemajuan
Sn	- Sekolah Sains
SJK	- Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKC	- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

SJKT	- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	- Sekolah Kebangsaan
SKPM	- Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SSE	- Status sosio ekonomi
SPSS	- <i>Statistical Packages for the Social Sciences</i>
SWOT	- <i>Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats</i>
UPSR	- Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dari segi keluasan, akan tetapi dari segi pencapaian akademik, Sarawak menduduki *ranking* yang tercorot selepas Sabah dalam keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Pencapaian ini bukan sahaja dari segi peratusan murid lulus dengan pencapaian minimum malahan gred purata negeri Sarawak berada di tangga kedua terbawah. Oleh kerana itu, kajian ini menumpukan kepada empat buah daerah yang dianggap mempunyai pencapaian terendah berbanding daerah-daerah lain di negeri Sarawak yang mana secara tidak langsung memberi kesan kepada nilai gred purata negeri (GPNe).

Dalam kajian ini pengkaji membincangkan kaitan antara akauntabiliti, interaksi dan pengurusan strategik guru dengan pencapaian murid dalam UPSR. Hakikat bahawa sebaik mana kualiti sesuatu sistem pendidikan itu dirangka dan dibangunkan tidak memberi sebarang makna jika kualiti individu guru itu sendiri tidak terlebih dahulu dipertingkatkan dari aspek komitmen dan kompetensi (Barber dan Mourshed, 2007). Oleh itu, guru yang mempunyai tahap akauntabiliti dan profesional yang tinggi dijangka dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi ilmu serta akhlak moral agar segala ilmu yang diperolehi dapat disalurkan kepada kebaikan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Selain itu, guru memainkan peranan penting dalam menentukan interaksi yang perlu diwujudkan di dalam bilik darjah agar pencapaian murid dapat dipertingkatkan. Guru yang berakauntabiliti perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi dalam pembentukan sahsiah murid kerana guru ialah agen kepada keberkesanan pendidikan yang mana kesepaduan antara kemahiran keilmuan dengan keluhuran peribadi adalah kriteria peribadi pendidik yang tidak boleh

dipisahkan, sebaliknya menjadi contoh yang berkesan (Mohd Kamal, 2009; Abdul Halim, 2009). Justeru, di sinilah pentingnya watak-watak murni untuk dibentuk dalam diri murid agar hasrat untuk mencapai produk yang berkualiti menjadi realiti. Ini semua hanya dapat dilakukan sekiranya warga pendidik dapat melaksanakan peranan mereka dalam mengupayakan pengurusan strategik yang berkesan di sekolah terutamanya dalam usaha meningkatkan prestasi murid, memperkukuh perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan menghadapi globalisasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat empat isu utama yang dibincangkan dalam bahagian ini, iaitu akauntabiliti guru, interaksi guru dan pengurusan strategik guru serta kaitannya dengan pencapaian murid dalam UPSR.

Sarawak merupakan sebuah negeri yang luas dari segi geografinya dan mempunyai sebelas bahagian yang mempunyai tiga puluh satu daerah kesemuanya. Dalam kajian ini empat buah daerah dipilih yang dianggap sebagai mempunyai pencapaian UPSR yang agak rendah iaitu Limbang, Lawas, Samarahan dan Betong. Pencapaian ini merujuk kepada kualiti murid yang mendapat 7 A atau 5 A, manakala dari kuantitinya peratusan calon yang menguasai pencapaian minimum C dan juga Gred Purata Sekolah.

Dewasa ini, kualiti pendidikan sering sahaja menjadi kritikan pelbagai pihak, kualiti pendidikan perlu dipelihara oleh sesebuah negara. Untuk memastikan kualiti pendidikan terpelihara guru merupakan fokus utama. Kalau dahulu, guru dianggap nadi penggerak dalam masyarakat. Namun kini peranan guru dalam masyarakat sudah tidak lagi dianggap penting kerana masyarakat mempunyai tanggapan yang negatif terhadap guru lantaran sikap sesetengah guru yang beranggapan bahawa guru hanya sebagai kerjaya bukannya sebagai amanah. Sifat-sifat mulia dan terpuji yang sepatutnya wujud pada diri seseorang guru semakin berkurangan kerana guru sudah tidak menjiwai tugas sebenar mereka dan memandang profesion perguruan sebagai suatu pekerjaan semata-mata (Azhani, 2008).

Selain itu, bidang perguruan sering dianggap sebagai profesion kelas pertengahan jauh ditinggalkan oleh bidang profesional yang lain seperti kedoktoran, kejuruteraan mahupun bidang perakaunan. Masyarakat menganggap bidang ini adalah pilihan terakhir sekiranya tiada kerjaya profesional lain yang sesuai atau tidak mendapat pekerjaan (Ibrahim, 2003). Masyarakat sering menganggap tugas guru amat mudah kerana hanya perlu mengajar dan menjalankan sedikit tugas-tugas perkeranian seperti menanda kehadiran murid, menaip dan mengisi borang.

Apabila persepsi negatif ditujukan kepada akauntabiliti keguruan, maka segala tindakan yang dilakukan oleh guru mendapat respon yang pelbagai khususnya daripada ibu bapa dan masyarakat amnya. Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir memberitahu bahawa daripada tahun 1995 hingga tahun 2008, sebanyak 41 kes keruntuhan moral membabitkan guru dilaporkan (Utusan Malaysia, 2008). Antara kes keruntuhan moral disebutkan beliau adalah perbuatan sumbang mahram dan bersekedudukan. Media juga turut melaporkan kes-kes lain seperti guru memukul murid, guru besar menyembunyikan kes-kes disiplin, dan sebagainya yang telah menarik perhatian umum serta menguji kredibiliti profesion perguruan. Guru sudah pasti dilabel sebagai insan yang bertanggungjawab sepenuhnya jika pencapaian murid tidak seperti yang diharapkan.

Antara isu etika guru yang dilaporkan adalah seperti isu kesantunan guru, isu kepedulian guru, isu penampilan guru, isu guru berniaga di sekolah, pengurusan kewangan, pengurusan masa dan kerjaya sambilan guru (Liew, 2015). Lunturnya integriti yang ada pada seorang guru kesan daripada isu seperti hadir lewat ke sekolah bukan sahaja mengakibatkan hilangnya kepercayaan dan rasa hormat terhadap rakan sejawat dan murid-murid, bahkan secara tidak langsung melambatkan aspek pengurusan dan pengelolaan. Menurut laporan dari akhbar *The Borneo Post*, melaporkan bahawa hasil pemantauan dan pemeriksaan pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada 22 Februari 2010, mendapati seramai 117 guru dari 11 sekolah tidak hadir bertugas, manakala pada 25 Mei 2010 pula seramai 157 guru dari 14 sekolah juga tidak hadir bertugas. Hal ini amat

bertentangan dengan peranan dan tatasusila perguruan di Malaysia yang menyatakan guru perlu mematuhi kod etika perguruan iaitu menjalankan tanggungjawabnya kepada murid, ibu bapa murid, rakan sejawat, masyarakat dan negara. Pelan Integriti Nasional telah menggariskan lima objektif khusus, salah satu darinya ialah menggalakkan semangat bertanggungjawab dalam kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti.

Tambahan lagi, kualiti pembelajaran murid turut terkesan akibat daripada salah laku guru yang telah menjejaskan akauntabiliti keguruan itu sendiri. Abu Bakar (2003) menjelaskan masih terdapat segelintir guru yang mempunyai personaliti yang kurang memuaskan seperti mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah dan merokok di kawasan yang terbuka. Sebagai contoh, murid yang menjadi mangsa kepada guru yang tidak mengamalkan kod etika keguruan serta menjalankan akauntabilitinya, murid berkenaan beranggapan guru berkenaan garang dan susah untuk didekati. Akibatnya jika murid berkenaan mengalami masalah, murid tersebut tidak berani untuk berjumpa dengan guru itu kerana takut kepada guru tersebut. Secara tidak langsung hal ini boleh memberi kesan terhadap interaksi guru dan murid dan seterusnya mempengaruhi pencapaian murid dalam peperiksaan.

Hal seperti ini adalah penyumbang utama kepada jatuhnya akauntabiliti profesion perguruan dalam kaca mata masyarakat pada hari ini, lebih-lebih lagi dengan tersiarnya berita-berita negatif berkenaan isu keguruan di segenap sumber media massa.

Peranan guru amat penting, selain menyampaikan ilmu, tingkah laku guru menjadi contoh teladan kepada murid-murid. Para guru merupakan agen moral dan suri teladan kepada murid-muridnya perlu mempamerkan akhlak yang mulia kepada muridnya (Suhid, 2007). Walau bagaimanapun (Othman, 2006) masalah akhlak murid yang berlaku pada ketika ini mempunyai hubungan langsung dengan personaliti guru yang dipamerkan yang mana guru membawa perubahan ke arah satu tingkah laku yang baik. Guru mestilah mempunyai sifat dan kualiti peribadi,

profesional dan sosial yang baik dan terpuji. Tamuri *et al.* (2010), menjelaskan bahawa krisis akhlak murid pada waktu ini ada kaitannya dengan personaliti guru kerana membawa pengaruh terhadap pembentukan peribadi murid. Guru yang mempunyai kualiti peribadi yang tinggi pasti berjaya menjalankan tugas sebagai pendidik dan dapat mencipta kejayaan demi kejayaan di samping membantu anak didik meraih pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan.

Tugas utama seorang guru adalah untuk memudahkan pembelajaran muridnya. Bagi memenuhi tugas ini, guru perlu mempelbagaikan interaksi dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan bukannya hanya menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka juga sepatutnya mampu mencipta pengajaran yang berkesan. Hubungan dan interaksi yang berkesan antara guru dan murid sangat penting dan memberikan impak yang berpanjangan untuk prestasi akademik dan perkembangan sosial murid (Rimm-Kaufman dan Sandilos, 2017). Oleh kerana itu, guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran serta interaksi yang dapat merangsang minat murid di samping sentiasa memikirkan kebajikan dan keperluan murid.

Murid yang mempunyai perilaku yang bermasalah di rumah dan di sekolah berkecenderungan untuk membina konflik dan kurang rapat dengan gurunya (Murray dan Murray, 2004; O'Connor *et al.*, 2012). Guru sepatutnya dapat mengenal pasti murid-murid yang bermasalah dan berusaha untuk merapatkan jurang dengan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Perkara ini ada kaitannya dengan interaksi guru dengan murid-muridnya. Interaksi yang berkesan seharusnya mampu menarik minat murid untuk belajar dan dapat membantu mempercepatkan pemahaman murid seterusnya meningkatkan prestasi murid.

Pada masa kini aspek memperkasakan sekolah dan kecemerlangan kepimpinan sekolah menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah dan pentadbiran sekolah perlu sentiasa dinamik dan inovatif bagi mengisi harapan dan keyakinan masyarakat dan cabaran masa hadapan negara maka sekolah perlu mempunyai pengurusan strategik yang berkesan agar segala program yang dijalankan dapat meningkatkan kecemerlangan murid dalam

peperiksaan dan kehidupan. Pada tahun 2001, Jemaah Nazir Sekolah (JNS, 2001) telah memperkenalkan mekanisme untuk memastikan kualiti pendidikan di institusi pendidikan meningkat secara berterusan ke tahap yang lebih tinggi. Mekanisme tersebut kini dikenali sebagai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-Sekolah (SKPM-Sekolah). Dalam SKPM 3, terdapat Rancangan Pemajuan Sekolah (RPS) yang mana ia adalah satu dokumen yang mengandungi garis panduan untuk pihak sekolah menyediakan rancangan atau aktiviti pemajuan sebagai susulan daripada penarafan sendiri sekolah, yang dilaksana dengan menggunakan Instrumen Pemastian Standard (IPS). Melalui dokumen ini, pihak sekolah memperoleh panduan untuk merancang dan bertindak memajukan sekolah dengan mengamalkan prinsip dalam sistem pengupayaan sendiri (*self-enabling system*).

Kementerian Pendidikan Malaysia terutama melalui organisasi sekolah, bertanggungjawab menyediakan pendidikan yang ber sistematik dengan memberi peluang yang adil kepada semua kaum untuk memperoleh pendidikan yang sempurna dan semaksima mungkin. Oleh kerana RPS ialah perancangan yang terdiri daripada pelan strategik, pelan taktikal dan pelan operasi (JNS, 2001) untuk membantu meningkatkan kecemerlangan dalam setiap aspek, elemen dan dimensi SKPM, bagi memastikan *Estimated Target Result* (ETR) yang ditetapkan tercapai maka pihak sekolah perlu melakukan analisis SWOT (*Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats*) bagi menentukan ETR. Pelaksanaan RPS, diharap dapat mengenal pasti kelompangan yang dapat ditampung melalui aktiviti penambahbaikan yang dirangka oleh pihak sekolah. Proses penambahbaikan tersebut memerlukan tindakan yang segera dan ringkas serta memerlukan penyediaan pelan strategik. Dengan demikian setiap sekolah harus cekap dalam pengurusan strategik agar dapat menyediakan pelbagai aktiviti yang menggerakkan sekolah ke arah kecemerlangan.

Bagi mencapai hasrat untuk cemerlang dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan syarat minimum pendidikan yang cukup bagi kanak-kanak dengan melihat pencapaian akademik murid-murid sekolah rendah sebelum masuk ke sekolah menengah. Pencapaian akademik yang

minimum adalah merujuk kepada penguasaan kanak-kanak terhadap tiga aspek kemahiran asas iaitu, membaca, menulis dan mengira (3M).

UPSR merupakan penilaian sumatif yang berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Tujuan penilaian ini ialah untuk melihat sejauh mana tahap pencapaian murid Tahun Enam dalam kemahiran asas menulis, membaca dan mengira sebelum kanak-kanak tersebut melangkah ke alam pendidikan menengah (Ikhsan dan Norila, 2005). Terdapat lima mata pelajaran wajib yang diuji dalam UPSR iaitu, Bahasa Malaysia Kefahaman (BMK), Bahasa Malaysia Penulisan (BMP), Bahasa Inggeris (BI), Matematik (Mat) dan Sains (Sc). Manakala bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SJK), mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga ditawarkan. Calon-calon UPSR diberi gred A, B, C, D atau E bagi skor setiap mata pelajaran yang diperolehi.

Murid yang cemerlang adalah murid yang memperoleh keputusan 5A atau 7A sekiranya mata pelajaran Bahasa Cina atau Bahasa Tamil diambil kira. Seperti Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga mempunyai dua kertas ujian iaitu, kefahaman dan penulisan.

Ringkasan pelaporan keputusan UPSR ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Murid yang dianggap lulus untuk tujuan analisis peratusan lulus sekolah ialah murid yang lulus semua mata pelajaran yang diduduki.

Jadual 1.1: Pelaporan Keputusan UPSR

Gred	Keterangan
A	Sangat Baik
B	Baik Pencapaian di atas tahap penguasaan minimum (lulus)
C	Sederhana
D	Lemah Pencapaian di bawah tahap penguasaan minimum(gagal)
E	Sangat Lemah

Sumber: Ikhsan dan Norila (2005)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan keputusan A, B dan C dikira lulus dan gred A memberikan indikator pencapaian yang paling tinggi diikuti dengan B dan C. Manakala gred D dan E dikira gagal. Melalui perkiraan ini maka calon yang paling